

Padankan tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

memberikan	kesat	ucapan	menghormati	memperuntukkan
taat	rawatan	sopan	menjaga	pemberian hadiah

1. Tanggungjawab anak yang utama ialah _____ kasih sayang kepada ibu bapa. Selain itu, anak-anak perlu _____ dan _____ ibu bapa. Anak-anak juga perlu mendengar nasihat yang baik.
2. Kasih sayang kepada ibu bapa boleh ditunjukkan melalui _____, perlakuan dan _____. Anak-anak juga boleh membawa ibu bapa makan malam atau pergi membeli belah bagi mengeratkan lagi kasih sayang dalam keluarga.
3. Setelah bekerja, anak-anak wajib _____ sejumlah wang kepada ibu bapa bagi memenuhi keperluan hidup.
4. Kita juga perlu _____ ibu bapa setelah mereka tua dan sakit. Inilah masanya kita membalas jasa mereka yang sekian lama memberikan kasih sayang kepada kita.
5. Kita juga perlu menjaga hati mereka dengan menggunakan kata-kata yang _____. Kita tidak boleh menggunakan kata-kata yang _____ sehingga mereka berasa kecil hati.
6. Anak-anak juga bertanggungjawab mendapatkan _____ jika ibu bapa sakit.